

Bab 3: Proses pengumpulan berita oleh media tempatan dan antarabangsa

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap pengumpulan berita dan maklumat mengikut kepentingan politik dan ekonomi bagi agensi berita tempatan dan asing. Bagi persampelan agensi berita tempatan, pengkaji mengambil laporan dari Agensi Berita Nasional (BERNAMA) dan *Berita Harian*.

Bagi persampelan agensi berita asing, pengkaji memilih dua agensi berita antarabangsa yang paling aktif beroperasi di negara ini iaitu Reuters dan Agence France Presse (AFP).

Laporan berhubung isu politik diambil berdasarkan kepada analisis kandungan pada hari kerajaan mengumumkan pembubaran Parlimen iaitu pada 10 November 1999 dan pada hari pilihan raya serta keputusannya iaitu 29 November tahun 1999.

Pengkaji memilih tarikh itu kerana pilihan raya yang diadakan lima tahun sekali iaitu pada tahun lalu menggambarkan situasi politik negara. Isu politik dan ekonomi dijadikan bahan kempen oleh pemerintah dan pembangkang untuk meraih undi daripada rakyat. Pelbagai isu dikemukakan menjelang pilihan raya ini termasuk keadaan kegawatan ekonomi serta isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Berhubung isu ekonomi pula, pengkaji mengambil laporan yang dikumpul oleh BERNAMA, *Berita Harian*, Reuters dan AFP pada sesi Belanjawan 2000. Belanjawan dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin di Dewan Rakyat pada 29 November 1999. Walau bagaimanapun belanjawan dibentangkan semula 26 Februari lalu, selepas BN memenangi pilihan raya umum.

Dua situasi ini diberi perhatian khusus oleh pengkaji kerana ketika itu dua isu berkenaan dibangkitkan secara besar-besaran. Keadaan disebabkan oleh ketidakstabilan politik negara berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kemelesetan ekonomi yang menjelaskan kegiatan perdagangan setempat.

Pengumpulan bahan berita kedua-dua isu ini dikumpul daripada berita yang diterbitkan oleh media tempatan dan ssing. Bahan dikumpul daripada keratan akhbar dan transkrip kabel Bernama, Reuters dan AFP.

3.1 Proses pengumpulan berita politik Bernama

Dalam kajian yang membabitkan laporan mengenai pengumpulan isu politik, pengkaji mengambil contoh berita yang diambil mengenai pengumuman pembubaran Parlimen oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 10 November 1999.

Pengkaji juga mendapatkan isu kandungan berita sepanjang hari pengundian pada 29 November 1999. Dua keadaan itu diberi perhatian khusus kerana ketika itu hampir semua laporan mengutamakan berita politik. Pada hari berkenaan juga sebahagian besar wartawan BERNAMA hanya menghasilkan berita politik.

3.1.1 Isi Kandungan BERNAMA pada hari pembubaran Parlimen 10 November 1999

Antara berita utama yang dipancarkan (*flash*) oleh BERNAMA pada hari berkenaan bertajuk “Parlimen Bubar Esok Untuk Umum Pilihanraya”. Berita ini dipancarkan pada jam 15:01:36 10 November 1999. Antara intipati berita, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menemui Yang Dipertuan Agong untuk perkenan Parlimen dibubarkan. Berita bersumberkan kenyataan Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail yang mengumumkan pembubaran itu. (Lampiran 1.a)

Berita lain termasuk “Mesyuarat Jumaat Tetapkan Pilihan Raya” yang dipancarkan pada jam 16:44:46. Berita daripada kenyataan Pengurus Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Datuk Omar Hashim, mengumumkan pihaknya akan bermesyuarat pada Jumaat (12 November 1999) bagi menetapkan tarikh penamaan calon dan hari mengundi. (Lampiran 1.b). Berita lain yang turut dipancarkan bertajuk “Pilihanraya Awal Elak Kegiatan Cemar Ramadan” yang dipancarkan pada jam 16:40:20. (Lampiran 1.c)

Antara lain Dr Mahathir dalam laporan itu berkata, keputusan beliau membubarkan Parlimen lebih awal iaitu sebelum Ramadan bagi mengelak kegiatan kempen pilihan raya yang boleh mencemar bulan yang mulia itu. Katanya, jika pilihan raya diadakan selepas hari raya puasa, iaitu pada Januari 2000, ini bermakna bulan Ramadan diganggu dengan kegiatan kempen yang tidak diingini seperti memfitnah serta maki hamun dengan kata kesat.

Berita sampingan daripada pengumuman itu ialah kenyataan daripada Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ling Liang Sik yang dipancarkan pada jam 16:17:09. Laporan lebih berkisar kepada persiapan parti yang diterajuinya, MCA yang juga komponen Barisan Nasional menjelang pilihan raya. Berita bertajuk “MCA Tampilkkan 10 Peratus Muka Baru Dalam Senarai Calon”. (Lampiran 1.d)

Antara kandungan berita, MCA yakin BN yang telah menunjukkan rekod perkhidmatan yang baik akan dipilih semula sebagai kerajaan dalam pilihan raya ini. Dr Ling juga mengemukakan beberapa contoh kejayaan negara sepanjang pemerintahan BN termasuk pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA, penganjuran sukan berprestij Formula 1, Sukan Komanwel dan pembinaan LRT.

3.1.2 Isi kandungan berita BERNAMA pada hari mengundi 29 November 1999

Sepanjang pilihan raya lalu, berita yang dipancarkan BERNAMA lebih memberi tumpuan kepada kemampuan BN mendapat majoriti lebih dua pertiga bagi membolehkan kerajaan BN mengekalkan kuasa di negara ini. Berita dari seluruh negara dipancarkan dari semasa ke semasa supaya pelanggan memperolehi maklumat terkini mengenai kedudukan kerusi di Parlimen dan Dewan Rakyat.

Bagi tujuan itu, BERNAMA mengambil kakitangan sementara untuk memastikan urusan sepanjang pilihan raya berjalan lancar termasuk menyediakan beberapa kakitangannya di pejabat SPR untuk mendapatkan keputusan terkini. Antara tajuk berita utama yang dipancarkan BERNAMA ialah, “BN Menuju Untuk Perolehi Majoriti Mudah Tetapi Terlepas Terengganu”. Berita yang dipancarkan pada kira-kira jam 1:27:31 30 November 1999, melaporkan bahawa daripada 91 kerusi Parlimen yang diumumkan sehingga pagi itu, BN memenangi 77, kurang 20 kerusi bagi memperolehi majoriti mudah. (Lampiran 2.a)

Tajuk berita lain yang dipancarkan ialah, “Mahathir Kekalkan Kerusi Parlimen Kubang Pasu” dengan *dateline* Alor Setar. Berita itu dipancarkan pada jam 1:47:37. (Lampiran 2.b). Berita dari Cukai Terengganu pula melaporkan, “Wan Mokhtar Terima Kekalahan BN Dengan Kesabaran” berita itu dipancarkan pada jam 1:37:51. (Lampiran 2.c)

Berita mengenai kemenangan Presiden Parti Keadilan Nasional, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh juga menjadi tumpuan pada hari berkenaan. Berita dari Bukit Mertajam bertajuk “Wan Azizah Menang Majoriti Luar Jangkaan di Permatang Pauh”. Ia dipancarkan pada jam 00:48:55. Berita melaporkan kemenangan dengan majoriti di luar jangkaan mengalahkan calon BN Datuk Dr Ibrahim Saad. (Lampiran 2.d)

Kemenangan Dr Wan Azizah dengan memperolehi kelebihan 9,077 undi memang dianggap sebagai paling sengit. Laporan menyatakan Dr Wan Azizah sendiri agak terkejut dengan keputusan itu dan menyifatkan majoritinya sebagai di luar jangkaan.

Berita mengenai kekalahan dua tokoh utama parti pembangkang Democratic Action Party (DAP), Lim Kit Siang dan Karpal Singh mendapat perhatian wartawan media tempatan dan asing. Kekalahan dua tokoh berkenaan mendapat liputan utama memandangkan mereka adalah tokoh politik veteran yang sukar ditundukkan.

Karpal dalam kenyataan bertajuk "Kalah Belum Bererti Kerjaya Politik Sudah Berakhir," Karpal. Berita ini dipancarkan oleh BERNAMA pada jam 3:30:02. Karpal berkata, kerjaya politik beliau belum berakhir walaupun mengalami kekalahan di Parlimen Jelutong. Kekalahan dengan calon baru daripada Parti Gerakan, Lee Kah Choon dengan majoriti 775 undi. (Lampiran 2.c)

Laporan utama BERNAMA pada hari itu ialah kenyataan Dr Mahathir dalam satu sidang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra kira-kira jam 3.30 pagi, 30 November 1999, mengumumkan kemenangan BN. Berita bertajuk "Kemenangan Bukti BN Masih Popular," kata Mahathir yang dipancarkan pada jam 3:46:11. Dr Mahathir dalam kenyataan itu berbangga dengan kemenangan yang diperolehi walaupun terlepas Terengganu ke tangan PAS. (Lampiran 2.f) "Saya dengan penuh kesyukuran dan gembiranya mengisytiharkan bahawa BN telah mendapat kemenangan majoriti lebih daripada dua pertiga."

"Jelas bahawa bagi pilihan raya umum ini BN telah membuktikan bahawa popularitinya masih tinggi iaitu mendapat 149 kerusi Parlimen," kata beliau. Laporan memberi tumpuan tentang kemenangan BN secara keseluruhannya khusus kepada kejayaan kerajaan mengekalkan kedudukan dalam usaha meneruskan tampok pemerintahan negara.

3.2 Proses pengumpulan berita politik *Berita Harian*

Pengumpulan berita berhubung isu politik di *Berita Harian* dikendalikan oleh sebahagian besar wartawan kanan di Jabatan Editorial. Setiap wartawan perlu membuat sekurang-kurangnya satu liputan di majlis yang dihadiri oleh menteri. Setiap satu majlis yang dihadiri lazimnya menghasilkan di antara satu atau dua berita. Laporan biasanya membabitkan isu semasa berhubung perkembangan politik dan ekonomi negara.

Berita yang diperolehi daripada kenyataan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri pada kebiasaananya, ia dijadikan bahan utama pada hari berikut dan disiarkan di muka depan akhbar.

Pemerhatian mendapati pemilihan berita bergantung kepada kepentingan isu yang dibangkitkan. Muka satu hingga empat akhbar *Berita Harian* akan melaporkan berita politik manakala muka seterusnya dimuatkan dengan berita antaranya berita mahkamah, jenayah dan isu setempat terutama membabitkan masalah sosial.

(Lampiran 3: Struktur Organisasi Berita Harian Sdn Bhd)

3.2.1 Isi Kandungan berita politik *Berita Harian* pada pembubaran Parlimen 10 November 1999

Pengumuman itu menjadi tajuk utama berita pada hari berikutnya. Berita bertajuk “Parlimen Dibubar Hari Ini” dengan sub tajuknya “SPR umum hari penamaan calon dan pembuangan undi esok”. Berita *dateline* di Putrajaya itu bersumberkan kenyataan daripada Perdana Menteri Dr Mahathir yang mengumumkan pembubaran parlimen dalam satu sidang akhbar di pejabatnya di Putrajaya. (Lampiran 4.a).

Berita muka depan sepanjang 28 para itu digabungkan dengan kenyataan oleh Yang dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohd Zahir Ismail mengenai pembubaran itu. Laporan juga mencatakan jumlah pengundi yang layak mengundi iaitu seramai 9.7 juta bagi memilih 193 ahli Parlimen dan 394 ahli Dewan Undangan Negeri (DUN).

Dr Mahathir dalam kenyataan yang dihadiri wartawan tempatan dan asing serta pemimpin parti komponen BN. Beliau dalam sidang akhbar itu berkata, keputusan membubarkan Parlimen dibuat lebih awal membolehkan pilihan raya diadakan sebelum Ramadan, sekali gus mengelak kegiatan kempen yang boleh mencemar kesucian bulan Ramadan. (Lampiran 4.b)

Tajuk utama lain yang dimuatkan dalam akhbar pada hari itu ialah, “9.7 juta pengundi layak memilih”. Berita dipetik daripada kenyataan Pengurus SPR, Datuk Omar Hashim. Berita itu turut dilengkapkan dengan grafik yang menunjukkan tempoh pembubaran Parlimen hingga tarikh pengundian serta jadual parti yang bertanding pada pilihan raya umum 1995. (Rujuk jadual: 3.1)

Jadual 3.1

Jadual parti politik yang bertanding pada pilihan raya umum 1995

Parti	Jumlah kerusi bertanding		Menang	
	Parlimen	DUN	Parlimen	DUN
BN	192	394	162	338
DAP	60	103	9	11
Pas	45	178	7	33
S46	65	130	6	12
PBS	27	9	8	10
PRM	3	2	0	0
Akim	2	5	0	0
Berjasa	-	1	-	0
Bebas	43	34	0	0
Jumlah	437	866	192	394

(Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya 1999)

Penyediaan jadual oleh *Berita Harian* dalam laporan pada hari pembubaran Parlimen memberi peluang kepada pembaca membuat rujukan mengenai parti yang bertanding pada pilihan raya lalu, 1995. Maklumat tambahan ini penting bagi memastikan pembaca mendapat gambaran terperinci mengenai parti yang bertanding.

3.2.2 Isi kandungan *Berita Harian* pada hari pengundian 29 November 1999

Bagi cetakan hari berikutnya 30 November 1999, *Berita Harian* menyediakan satu sisipan bagi memuatkan keputusan penuh pilihan raya di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Semua perangkaan diperolehi daripada SPR yang dikendalikan oleh kakitangan semua bahagian di *Berita Harian* yang beroperasi 24 jam. Sisipan bersaiz *tabloid* itu dipenuhi dengan keputusan penuh kerusi Parlimen dan DUN.

Semua kakitangan dikehendaki melengkapkan berita dan mendapatkan keputusan setiap kawasan di seluruh negara yang diumumkan secara rasmi mengikut peringkat seawal jam 10 malam. Berita utama pada hari berikutnya bertajuk “BN Dapat Lebih Dua Pertiga” dengan sub tajuknya “Pas Bentuk Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu”. (Lampiran 5).

Berita yang diambil daripada kenyataan Dr Mahathir mengumumkan kemenangan itu yang dimuatkan di dada akhbar *Berita Harian* pada 30 November 1999.

Berita utama itu merangkumi bahan rangkuman yang diperolehi dari seluruh negara termasuk Johor yang mana BN menyapu bersih kerusi yang dipertandingkan dengan perolehan dua pertiga menerusi 31 daripada 40 kerusi DUN manakala BN memperolehi kemenangan di 15 daripada 20 kerusi Parlimen. Di Melaka, BN menguasai 17 daripada 25 kerusi DUN sehingga jam 11.30 malam.

3.3 Proses pengumpulan berita politik oleh Reuters

Isu politik adalah tumpuan utama Reuters dalam menghasilkan berita dari Asia ke seluruh dunia. Reuters tidak mempunyai koresponden yang khusus dalam membuat liputan berhubung isu politik ini.

Carta organisasi Reuters bagi Malaysia/Brunei menunjukkan agensi media antarabangsa terkemuka ini diterajui Jimy Ching. Bahagian Editorial diketuai oleh Nelson Graves sebagai Ketua Biro dibantu tujuh koresponden. (Lampiran 6: Carta Organisasi Reuters Malaysia/Brunei)

Bagaimanapun aktiviti pengumpulan berita oleh Reuters itu hanya membabitkan berita politik utama iaitu kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta ketua parti pembangkang. Mereka akan mengambil kenyataan daripada tokoh kedua-dua parti ini dalam usaha menjelaskan sesuatu isu yang ditimbulkan. Ada kalanya kenyataan daripada tokoh parti pembangkang dijadikan topik utama berita politik pada hari berkenaan.

Semua isu politik yang dilaporkan akan dilengkapkan dengan kesan ekonomi dalam negara yang memungkinkan berlaku perubahan pada pasaran saham. Penelitian mendapati, laporan Reuters terhadap isu politik lebih kepada pemerhatian serta analisis dan membuat kesimpulan mereka berdasarkan laporan yang diperolehi. Ini berbeza dengan laporan politik oleh media tempatan yang hanya melaporkan apa yang berlaku. Berita mengaitkan fakta yang relevan dan tidak menyentuh isu yang boleh mengancam keselamatan dan kestabilan politik negara.

Wartawan media tempatan tidak membuat kesimpulan mereka sendiri mengenai sesuatu kenyataan yang diterima. Kesimpulan mengenai sesuatu isu hanya akan dikupas melalui laporan berbentuk rencana pada hari berikut iaitu selepas laporan berkenaan disiarkan. Sebagai wartawan media tempatan, pengkaji hanya melaporkan kejadian atau fakta yang diberikan sama ada melalui sidang akhbar atau kenyataan yang dikeluarkan.

Wartawan tidak akan membuat andaian, kritikan atau ulasan mereka secara keterlaluan mengenai sesuatu isu bagi memastikan apa yang dilaporkan bertepatan dengan maklumat yang diperolehi.

Jika sesuatu isu sama ada politik atau ekonomi itu hendak diulas semula melalui penulisan rencana, wartawan akan menjalankan kajian terhadap isu berkenaan di samping membuat rujukan laporan lalu bagi memastikan ulasan yang dibuat bertepatan dengan isu yang dibincangkan. Jika sesuatu isu itu membabitkan soal kestabilan politik dan ekonomi, ulasan wartawan perlu seimbang dan tidak menimbulkan rasa tidak senang mana-mana pihak hingga menjelaskan kestabilan politik dan ekonomi negara.

Wartawan di negara ini menjalankan tugas mereka berdasarkan kepada etika kewartawan. Mendukung prinsip rukunegara dan cita-cita nasional yang terkandung di dalamnya dengan menyedari peranan memberi sumbangan kepada proses membina negara. Melaksanakan tanggungjawab memupuk keharmonian antara kaum dan perpaduan nasional. Tugas berpandukan kepada tatatsusila kewartawan Malaysia yang berikut:

- Tugas utama wartawan adalah melaporkan kebenaran dan menghormati hak orang ramai untuk mendapatkan maklumat yang benar.
- Dalam melaksanakan tugas, wartawan menghayati kebebasan memungut dan menyiaran berita secara jujur serta berhak membuat ulasan dan kritikan yang saksama
- Wartawan hendaklah menggunakan cara yang wajar untuk mendapatkan berita, gambar, filem dan dokumen.
- Sebarang maklumat tersiar yang didapti tidak benar dan tepat hendaklah diperbetulkan
- Wartawan hendaklah menghormati kerahsiaan sumber berita
- Wartawan hendaklah berbudi pekerti ketika menjalankan tugas dan mengelakkan diri daripada plagarisme, fitnah dan hasutan, tuduhan tidak berasas serta rasuah dalam apa bentuk sekalipun

- Wartawan hendaklah menghindarkan siaran berita atau rencana yang bersifat perkauman, melampau dan bertentangan dengan tatasusila masyarakat majmuk Malaysia
- Wartawan hendaklah memahami undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan secara langsung dengan profesion mereka

Jadual 3.2

Ulasan media tempatan dan asing mengenai isu politik pada pembubaran Parlimen 10 November 1999 dan hari mengundi 29 November 1999

Kandungan	media tempatan	media asing
Fakta terus	ada	tiada
Ulasan sendiri	tiada	ada
Ulasan pembangkang	tiada	ada
Kritikan menyeluruh	tiada	ada

Berdasarkan analisis kandungan dan merujuk jadual 3.2 di atas, pengkaji mendapati media tempatan hanya melaporkan apa saja maklumat yang disampaikan kepada mereka. Laporan media tempatan memberi tumpuan kepada fakta terus daripada sumber. Laporan media asing pula didapati lebih memberi tumpuan kepada ulasan dan kritikan mereka sendiri.

3.3.1 Isi kandungan berita Reuters pada hari pembubaran Parlimen 10 November 1999

Antara berita utama yang dipancarkan Reuters bertajuk “Focus: Snap Poll Loom In Malaysia”. Berita yang dipancarkan pada jam 13:20:48 hari berkenaan antara lain melaporkan bahawa pilihan raya kali ini adalah yang paling getir bagi Perdana Menteri sejak memegang tampok pemerintahan pada tahun 1981. (Lampiran 7.a)

Laporan juga mengemukakan isu 650,000 pengundi baru yang layak mengundi tidak dapat berbuat demikian jika pilihan raya diadakan tahun ini, peluang pengundi baru yang dikhawatir membantu pembangkang dalam pilihan raya kali ini hilang kelayakan mengundi. Laporan Reuters mirip kepada kesimpulan bahawa ini adalah antara taktik pemerintah untuk terus menguasai negara ini. Reuters mengemukakan laporan berbentuk kritikan dan ulasan daripada wartawan itu sendiri.

K. Baranee dalam berita yang dipancarkan pada jam 13:27:40 bertajuk “Anwar’s Trial Adjourned Amid Poll Speculation”. Laporan mendapati wartawan Reuters membuat kesimpulan sendiri berhubung penangguhan bicara Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didakwa mempunyai kaitan dengan pengumuman kerajaan membubarkan Parlimen. (Lampiran 7.b)

Maklumat sebenarnya ialah penangguhan bicara disebabkan oleh keadaan hakim, Datuk Ariffin Jaka berada dalam keadaan tidak sihat kerana mengadu sakit belakang. Berikutan alasan itu bicara terpaksa ditangguhan Reuters menghangatkan laporan pengumuman kerajaan membubarkan Parlimen dengan mengambil kenyataan daripada tokoh pembangkang iaitu Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang. Laporan bertajuk “Scandalous to hold Malaysia Poll Now - Opposition” dipancarkan pada jam 14:35:08.

Lim dalam laporan itu menyatakan bahawa kerajaan sengaja membubarkan Parlimen sekarang kerana hendak membangkitkan isu menjatuhkan pembangkang melalui kenyataan tokoh Pas, Nik Aziz yang membuat kenyataan, bahawa pihaknya sedia menerima bukan Islam sebagai Perdana Menteri. (Laporan 7.c)

Berita lain yang dipancarkan Reuters pada hari berkenaan ialah sistem pilihan raya di negara ini. Berita yang dipancarkan pada jam 15:25:47. Berita bertajuk “Focus: Malaysia heads snap polls” dilengkapi fakta sejarah sejak negara mencapai kemerdekaan daripada British, jumlah kerusi yang dipertandingkan dan parti yang memerintah. (Lampiran 7.d)

3.3.2 Isi kandungan Reuters pada pilihan raya 29 November 1999

Selain menyediakan berita mengenai kemenangan BN menguasai dua pertiga daripada kerusi yang dipertandingkan, Reuters memuatkan berita mengenai kelemahan sistem penyelengaraan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berhubung masalah pengundi yang tidak dapat mengundi kerana nama mereka tidak tersenarai di SPR bahagian pusat.

Laporan bertajuk “Malaysia watchdog cites poll irregularities” yang dipancarkan pada jam 20:39:02 menyatakan bahawa sebuah agen persendirian memantau perjalanan sistem pilihan raya kali ini menerima banyak aduan daripada orang ramai. Pertubuhan yang dikenali sebagai Pemantau itu melaporkan bahawa aduan orang ramai mendakwa sistem pilihan raya kali ini dijalankan dengan cara tidak adil.

Presiden Pemantau, Kamar Ainiah Kamaruzaman dalam laporan itu dilaporkan sebagai berkata, pihaknya menerima aduan mengenai kehilangan nama pendaftar walaupun mereka mendakwa sudah mengundi beberapa tahun lalu. (Lampiran 8.a). Pada hari berkenaan juga, Reuters memancarkan berita bertajuk "Malaysia PM Faces Revived Islamic Opposition" pada jam 6:19:51 30 November 1999. (Lampiran 8.b) dan "Malaysia: PM wins poll but margin cut" pada jam 3:07:23. (Lampiran 8.c)

Tajuk-tajuk lain yang dipancarkan Reuters dalam pilihan raya kali ini ialah, "NEWSMAKER - Survivor Mahathir Looks to New Millennium". Berita dipancarkan pada jam 3:24:22. (Lampiran 8.d). Berita bertajuk "Malaysia's Azizah Carries Opposition Flag" dipancarkan kira-kira jam 00:43:32. (Lampiran 8.e)

Semua berita yang dipancarkan Reuters mengenai kemenangan BN seperti kenyataan menyindir. Laporan mereka seperti mempertikaikan kemenangan yang diperolehi dan seolah-olah memperkecilkan kebolehan BN meneruskan tampok pemerintahan.

Laporan yang dikemukakan Reuters berbeza dengan laporan media tempatan iaitu BERNAMA dan *Berita Harian*. Reuters mungkin mempunyai agenda dalam menyiaran berita sedemikian kerana agensi itu terpaksa mengikut kehendak pihak yang memiliki media berkenaan. Agensi media yang dimiliki konglomerat terkemuka di negara maju lazimnya tidak gemar menyiaran berita positif mengenai kemajuan negara di dunia ketiga.

Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas bersuara tidak menghalang Reuters untuk menyiaran berita sedemikian. Mereka bebas membuat laporan mengikut perspektif yang difikirkan sesuai dengan sasaran pembaca seluruh dunia. Tidak ada halangan untuk mereka mengkritik sistem pemerintahan. Bagaimanapun, sebagai pembaca mereka boleh menilai dan berfikir laporan yang disediakan sama ada ianya bertepatan atau mempunyai agenda tersendiri.

Laporan Reuters itu jelas menunjukkan bahawa mereka tidak senang dengan perkembangan politik yang diterajui BN. Laporan yang disediakan seolah-olah mencari kelemahan sistem pemerintahan. Mereka lebih gemar melaporkan kelemahan berbanding kemajuan yang diperolehi dunia ketiga.

Keadaan itu jelas menunjukkan wujud ciri-ciri pendekatan imperialisme di mana mereka tetap berpegang teguh kepada prinsip bahawa sistem politik di barat adalah yang paling unggul.

3.4 Proses pengumpulan berita politik oleh AFP

AFP yang mempunyai tenaga kerja yang terhad berbanding Reuters membahagikan tugas membuat liputan secara intensif. Selain membuat liputan di majlis rasmi yang dihadiri Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, wartawan yang sama juga akan mendapatkan berita ekonomi.

Wartawan AFP memberi tumpuan di majlis rasmi anjuran agensi korporat yang dihadiri tokoh pemimpin negara. Di majlis sedemikian, seorang wartawan akan menjalankan dua tugas iaitu mendapatkan maklumat politik dan ekonomi. Kaedah ini menjimatkan tenaga kerja. Dalam satu masa, seorang wartawan berperanan mengumpulkan dua berita .

3.4.1 Isi kandungan berita AFP pada hari pembubaran Parlimen 10 November 1999

Antara berita utama AFP ketika kerajaan mengumumkan pembubaran Parlimen bertajuk "Malaysia Poised For Early Election". Berita dipancarkan pada jam 14:11:35. Laporan mengutarkan isu berhubung 650,000 pendaftaran pengundi baru yang masih belum layak mengundi jika pilihan raya diadakan lebih awal. (Lampiran 9.a)

AFP dalam laporannya juga mendapatkan ulasan daripada pihak tertentu yang mana dalam ulasan itu menyatakan bahawa Dr Mahathir menghadapi cabaran yang hebat dalam pilihan raya kali ini. Ini berikutan tindakan memecat bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, 2 September 1998. Dalam laporan ini, AFP juga memasukkan isu ekonomi di mana indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur meningkat berikutan pengumuman itu.

Berita yang dipancarkan oleh AFP pada jam 12:46:55 bertajuk "Mahathir to Hold Press Conference Fuels Election Speculation". Berita ini diambil daripada Bernama di mana Dr Mahathir mengadakan sidang akhbar di pejabatnya di Putrajaya berhubung perkara itu. (Lampiran 9.b)

3.4.2 Isi Kandungan berita AFP pada hari pengundian 29 November 1999

Tajuk utama berita AFP dalam laporan sepanjang keputusan pilihan raya kali ini ialah “Malaysia’s Ruling Coalition Wins Two-Thirds Majority”. Berita yang dipancarkan pada jam 03:20:00, 30 November 1999 itu membuat laporan secara menyeluruh mengenai keputusan pilihan raya di mana BN memenangi 133 daripada 193 kerusi yang dipertandingkan. (Lampiran 10.a)

Laporan menyatakan, walaupun kerajaan berjaya memperolehi majoriti tetapi dua negeri terlepas kepada pembangkang iaitu Terengganu dan Kelantan. Dr Mahathir juga dilaporkan membawa pulang kekurangan majoriti daripada 17,000 kepada lebih kurang 10,000 berbanding pilihan raya 1995. Tajuk lain yang dipancarkan AFP ialah “Ruling Coalition Wins Malaysia Polls, Anwar’s Wife Takes Seat” pada jam 02:19:14. (Lampiran 10.b)

AFP dalam ulasan ringkasnya, menyatakan bahawa tindakan Dr Mahathir memecat Anwar menyebabkan undi di kalangan Melayu berpecah. Mereka dikatakan tidak lagi memberi sokongan padu kepada Umno.

3.5 Proses pengumpulan berita ekonomi oleh BERNAMA

Meja ekonomi dan maklumat korporat di BERNAMA bertanggungjawab mengendalikan urusan mengumpulkan berita berhubung perkembangan ekonomi semasa. Kaedah pengumpulan berita dilakukan sama ada wartawan bertugas perlu menghadiri majlis anjuran pihak korporat atau agensi kerajaan. Setiap majlis yang dihadiri, tokoh korporat atau pengurus sesuatu syarikat akan memaklumkan perkembangan terbaru aktiviti perniagaan mereka. Perkembangan itu boleh menghasilkan di antara satu atau dua berita.

Kakitangan meja ekonomi juga memproses siaran akhbar dari agensi, syarikat dan korporat. Berita itu penting kerana BERNAMA membekalkan perkhidmatan menyediakan berita ekonomi melalui pakej Hyperlink dan Equities 3 kepada pelanggan dalam dan luar negara.

3.5.1 Isi kandungan berita ekonomi BERNAMA pada hari pembentangan Belanjawan 2000, 29 Oktober 1999

Antara berita yang dipancarkan BERNAMA pada hari berkenaan ialah, “Bonus To Be Paid in Three Monthly Instalments” dipancarkan pada jam 21:16:03. (Lampiran 11.a) Laporan antara lain mengutarakan beberapa isu penting termasuk belanjawan tahun 2000 bersikap murah hati kerana pemulihan ekonomi negara begitu menggalakkan. Laporan mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 4.3 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar.

Berita lain yang dikemukakan dalam pembentangan Belanjawan 2000 sebelum Parlimen dibubarkan itu ialah kerajaan mengumumkan kadar pengurangan kemiskinan sebanyak 5.5 peratus atau 276 ribu keluarga pada tahun ini. Kerajaan juga mengumumkan subsidi sebanyak RM2.01 bilion bagi peruntukan baja kepada petani. Ia bertujuan mengurangkan beban golongan terbabit yang menghadapi masalah kenaikan kos pengeluaran padi. Susulan daripada pembentangan belanjawan, BERNAMA mendapatkan berita sampingan yang berkaitan dengan isu.

Bagi cadangan menaikkan kadar subsidi, BERNAMA mendapatkan ulasan daripada Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil (PKPKM), Datuk Haji Ahmad Arshad. Berita bertajuk “Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Sambut Baik Belanjawan” dipancarkan pada jam 20:30:57. Beliau dilaporkan berkata, pihaknya, menyambut baik cadangan itu. (Lampiran 11.b) Persatuan menganggap belanjawan tahun ini melegakan pekebun kecil. Berita utama yang dipancarkan pada hari berkenaan bertajuk “Peruntukan Infrastruktur Projek Naik Taraf dan Pembaikan Jalan Dapat Peruntukan Terbesar”. Berita yang dipancarkan pada jam 20:32:35 itu melaporkan kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM5.03 bilion untuk tujuan itu. (Lampiran 11.c)

Laporan ekonomi yang dipancarkan BERNAMA pada hari berkenaan lebih kepada pelaporan lengkap mengenai kandungan belanjawan itu sendiri. Terdapat juga unsur propaganda kerajaan dalam laporan yang dikemukakan. Ia jelas di mana berita utama pada hari berkenaan tertumpu kepada keputusan kerajaan memberi bonus kepada kakitangan kerajaan dan pemberian subsidi kepada petani. Laporan bertajuk “Government to give subsidies totalling RM2 billion”, dipancarkan pada jam 20:53:03. (Lampiran 11.d)

Corak laporan BERNAMA ini jelas menunjukkan, sebagai agensi berita kerajaan, ia berperanan sebagai ejen penyebaran maklumat kepada golongan masyarakat tempatan. Dalam masa yang sama juga, semua berita yang dihasilkan turut disebarluaskan kepada pembaca luar negara. Dengan laporan itu juga, pembaca luar terutama pelabur asing mendapat gambaran sebenar mengenai situasi politik dan ekonomi negara.

3.6 Proses pengumpulan berita ekonomi oleh akhbar *Berita Harian*

Meja Ekonomi di *Berita Harian* diuruskan oleh kira-kira tujuh wartawannya dengan mengendalikan urusan pengumpulan berita yang berkaitan. Pengumpulan maklumat diperolehi melalui majlis sidang akhbar, pelancaran produk baru, perasmian pusat perniagaan dan juga pengumuman untung rugi sesebuah syarikat.

Bahan berita juga diperolehi melalui kenyataan akhbar yang difaksikan kepada mereka oleh agensi perniagaan atau korporat. Berita juga dikumpul daripada kenyataan akhbar syarikat perhubungan awam yang mengendalikan urusan promosi pelanggan mereka.

3.6.1 Isi kandungan berita ekonomi akhbar *Berita Harian* pada 29 Oktober 1999

Akhbar *Berita Harian* pada hari berikutnya memberi liputan secara besar-besaran tentang laporan Belanjawan 2000 di mana berita utama bertajuk “Manfaat Untuk Semua” dan sub tajuknya, “Tiada Langsung Cukai Baru Dalam Belanjawan 2000”. Belanjawan kali ini bersifat mesra rakyat memberi manfaat kepada murid sekolah, remaja, pekerja hingga kepada yang sudah bersara. (Lampiran 12.a)

Belanjawan rakyat ini juga melonggarkan syarat pemilikan rumah bagi kakitangan kerajaan, mereka yang berpendapatan rendah menikmati tambahan 50 peratus elaun perumahan. Laporan *Berita Harian* lebih menarik kerana disertakan grafik berwarna mengenai kadar pengurangan cukai dan penghapusan duti import di muka depan akhbarnya. (Lampiran 12.b)

Di bahagian rencana *Berita Harian* menyediakan satu analisis bertajuk “Belanjawan 2000 Utamakan Kesejahteraan Masyarakat”. Laporan yang dikemukakan ini menyingkap semula kegawatan ekonomi yang melanda negara pada 1984, di mana keadaan itu tidak sehebat kegawatan yang melanda negara pada 1997 lalu. (Lampiran 12.c)

Keadaan diburukkan lagi dengan usaha kerajaan menangani krisis matawang dan pasaran saham. Menteri Kewangan ketika itu memilih kaedah Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menambahkan keperitan. Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada Januari 1998.

Kenaikan gaji sebanyak 10 peratus di kalangan kakitangan awam juga dilaporkan secara terperinci dalam laporan *Berita Harian* pada hari berkenaan. Kenaikan gaji dan pembayaran bonus ini adalah sebagai tanda penghargaan dan sanjungan kerajaan kepada 850,000 kakitangannya yang sudah banyak berkorban dan berbakti. (Lampiran 12.d)

Laporan *Berita Harian* itu juga menunjukkan bahawa sebagai akhbar utama di negara ini, ia berperanan sebagai agen penyebar maklumat berhubung perkembangan ekonomi semasa kepada masyarakat setempat. Laporan berita ekonomi *Berita Harian* lebih kepada usaha kerajaan dan pihak swasta dalam usaha mereka memajukan ekonomi setempat di samping peluang pelaburan kepada pelabur asing.

Bentuk penulisan yang dihasilkan oleh *Berita Harian* lebih kepada pelaporan tanpa mengulas secara terperinci juga lebih mirip kepada pelaporan sahaja tanpa mengulas secara terperinci mengenai sesuatu isu terutama membabitkan krisis matawang. Laporan mengenai isu seperti mempertikaikan tindakan pihak tertentu yang didakwa gagal mengatasi krisis yang melanda negara pertengahan 1997 lalu.

3.7 Proses pengumpulan berita ekonomi oleh Reuters

Reuters yang terkenal sebagai pembekal berita ekonomi terkini itu mewujudkan pengkhususan dalam urusan mengumpul bahan berkenaan. Selain menyediakan wartawan terlatih dalam bidang itu, pihaknya juga mempunyai hubungan yang rapat dengan tokoh korporat untuk mendapatkan bahan eksklusif.

Sebagai agensi yang terkenal dengan penghasilan berita ekonomi peringkat tempatan dan global. Laporan ekonomi yang dihasilkan oleh wartawan Reuters lebih berbentuk analisis. Laporan banyak menghasilkan berita mengenai kemajuan dan kemerosotan perniagaan *multinational* di negara ini.

Tumpuan diberi kepada perkembangan persniagaan multinasional kerana ia memberi kesan kepada perkembangan ekonomi seluruh dunia terutama beberapa negara maju. Laporan terkini perkembangan perniagaan multinasional yang berpangkalan di negara ini memberi gambaran sebenar kepada negara pemilik asal syarikat tersebut terutama yang beribu pejabat di negara maju terutama Amerika Syarikat dan Eropah.

3.7.1 Isi kandungan berita ekonomi Reuters pada hari pembentangan Belanjawan 2000, 29 Oktober 1999

Reuters dalam laporannya tentang Belanjawan 2000, menggunakan tajuk "Malaysia Cut Taxes in pre-Poll budget". Laporan yang dipancarkan pada jam 18:26:35 itu antara lain membuat ulasan mereka sendiri bahawa tindakan kerajaan memotong cukai adalah sebahagian daripada tindakan memancing undi menjelang pilihan raya. (Lampiran 13).

Laporan juga mengandaikan banyak pihak menjangkakan bahawa Dr Mahathir akan mengumumkan pembubaran Parlimen dalam tempoh terdekat bagi membolehkan pilihan raya diadakan segera. Penulisan Reuters dilengkapi dengan kenyataan oleh ahli ekonomi tempatan dan Singapura yang mengulas belanjawan kali ini.

K. Sree Kumar, Pengarah Eksekutif KAF-Refco dalam ulasannya menyatakan bahawa tindakan kerajaan mengecualikan duti import terhadap 305 barang dari pada kasut hingga perabot itu menggalakkan orang ramai untuk terus berbelanja tanpa batasan.

Ketua Penyelidik ABN AMRO Asia Equity Research Singapore, Dominic Armstrong, menyebut bahawa tindakan kerajaan mengurangkan cukai, pemberian bonus dan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus kepada kakitangan awam menjelang pilihan raya itu, diharap tidak akan memufliskan kerajaan sendiri. Laporan Reuters mengenai Belanjawan 2000 itu disampaikan dalam bentuk ulasan dan kritikan dengan mengambil kenyataan daripada pengamal ekonomi dari negara jiran. Bentuk laporan lebih kepada mengkritik kerajaan dengan mendakwa tindakan memotong cukai sebagai langkah memancing undi menjelang pilihan raya.

Melalui laporan sedemikian, pengkaji berpendapat bahawa agensi media asing yang berpangkalan di negara maju ini kurang memberikan gambaran sebenar mengenai keadaan politik dan ekonomi setempat kepada golongan sasar mereka di seluruh dunia.

3.8 Proses pengumpulan berita ekonomi oleh AFP

Berdasarkan struktur pemilikannya, AFP jelas berperanan besar sebagai pembekal berita ekonomi secara meluas di Perancis. AFP di negara ini juga tidak ketinggalan memberi tumpuan liputan yang lebih untuk berita sedemikian.

Walaupun mereka mengalami kekurangan kakitangan berbanding Reuters, AFP memberi keutamaan kepada berita ekonomi berbanding isu politik dan sosial. AFP bekerjasama dengan Financial Times Information membentuk AFX dengan menawarkan berita ekonomi dan kewangan. Tujuan yang sama dijalankan bersama Bloomberg.

3.8.1 Isi kandungan berita AFP pada hari pembentangan Belanjawan 2000, 29 Oktober 1999

Tajuk laporan AFP, "Malaysia unveils tax cuts, pay rises in "feel goods budget". Pengumuman belanjawan rakyat memberikan peruntukan khusus membasmi kemiskinan dan pemberian bonus dan kenaikan gaji kepada kakitangan awam.

Menteri Kewangan, Tun Daim Zainudin ketika membentangkan belanjawan mesra rakyat menolak dakwaan pembangkang bahawa pemberian bonus kepada kakitangan sektor awam itu sebagai usaha kerajaan mendapatkan undi dalam pilihan raya akan datang.

Tun Daim dilaporkan sebagai berkata, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, mereka tidak menggunakan belanjawan untuk kepentingan politik. Laporan AFP yang lebih kepada kenyataan berbentuk provokatif ini dipancarkan ke seluruh dunia pada jam 19:05:47. (Lampiran 14)

AFP sengaja menggunakan *intro* sedemikian bagi mendapatkan pendahulu yang berbeza dengan laporan media tempatan di mana mereka bebas membuat ulasan mengenai sesuatu isu di sebuah negara.

Laporan AFP ini dikatakan mirip kepada kritikan wartawan itu sendiri mengenai sistem pemerintah di negara ini dengan menyentuh keputusan kerajaan memberi bonus kepada kakitangan awam sebagai umpan untuk mendapatkan undi pada pilihan raya akan datang. Laporan media asing jelas menunjukkan bahawa mereka memberi laporan secara kritikal dan membuat analisis berdasarkan kepada berita yang disampaikan.

Laporan tidak terikat kepada bentuk berita semata-mata, malah laporan lebih kepada analisis mereka berhubung pergolakan ekonomi yang melanda negara pada ketika itu.

Sebagai media asing mereka bebas mengkritik kerajaan berikutan pemerintah di negara ini tidak mempunyai sebarang kepentingan di syarikat berkenaan berbanding media tempatan yang mana agensinya disahkan mempunyai kepentingan oleh parti politik di negara ini. Sebagai kesimpulan, didapati wujud perbezaan yang ketara dalam penyampaian laporan berhubung isu yang sama oleh media tempatan dan asing. Laporan media asing lebih kepada kritikan dan analisis terhadap isu yang dikemukakan. Ia berbeza dengan laporan media tempatan yang hanya melaporkan apa yang berlaku.

Jadual 3.3

Jumlah berita yang dipancarkan BERNAMA, *Berita Harian*, Reuters dan AFP pada hari pembubaran Parlimen 10 November 1999, hari mengundi 29 November 1999 dan pembentangan Belanjawan 2000, 29 Oktober 1999

Agensi	Pembubaran Parlimen 10 November 1999	Hari mengundi 29 November 1999	Belanjawan 2000 29 Oktober 1999
BERNAMA	10	20	21
Reuters	6	10	5
AFP	4	8	6

(Sumber: Isi kandungan BERNAMA, *Berita Harian*, Reuters dan AFP 1999)

Jadual menunjukkan bahawa agensi berita BERNAMA memancarkan berita lebih banyak berbanding agensi media asing. Jumlah itu bersesuaian dengan fungsinya sebagai agensi media kerajaan. Secara keseluruhannya didapati akhbar *Berita Harian* menyiaran berita lebih banyak berbanding BERNAMA dan agensi media asing kerana laporan itu perlu disiarkan secara terperinci kepada pembaca seluruh negara pada hari berikutnya. Jumlah berita yang dikumpulkan juga bergantung kepada tenaga kerja bagi sesuatu agensi itu.

3.9 Tumpuan wartawan media asing pada hari pengundian 29 November 1999

Analisis kandungan mendapati, agensi media asing iaitu Reuters dan AFP mengagih-agihkan wartawan mereka ke beberapa lokasi tumpuan selain Kuala Lumpur pada pilihan raya 1999. Tumpuan utama wartawan media asing ialah di Kelantan, Terengganu dan Pulau Pinang. AFP mengambil kakitangan dari negara jiran untuk tujuan itu. Tiga lokasi istimewa ini diberi tumpuan memandangkan saingan BN untuk merebut kerusi DUN dan Parlimen agak sengit kerana mendapat tentangan hebat daripada parti pembangkang iaitu PAS dan DAP. (Rujuk jadual 3.4)

Jadual 3.4

Lokasi liputan wartawan media asing pada hari mengundi 29 November 1999

Lokasi	Agensi		Jumlah wartawan
	Reuters	AFP	
Kuala Lumpur	5	3	8
Pulau Pinang	2	1	3
Kelantan	1	1	2
Terengganu	1	1	2

(Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya 1999)

3.10 Pengumpulan berita isu politik dan ekonomi media asing

Secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa proses pengumpulan berita dan maklumat oleh media asing terhadap dunia ketiga dilaporkan secara kritikal dan analisis berhubung kekurangan kemahiran kerajaan untuk membangunkan ekonomi ketika negara dilanda kegawatan. Laporan cenderung kepada pemilikan agensi berkenaan yang berpusat di negara maju.

Ia mungkin disebabkan oleh sikap negara maju itu sendiri yang sering mencari kelemahan sistem pentadbiran negara membangun seperti Malaysia. Ini dapat dilihat melalui laporan menjelang pilihan raya, media asing menunjukkan kecenderungan memberi publisiti meluas kepada parti pembangkang. Dalam masa yang sama juga, wartawan media asing mampu menyeimbangkan laporan mereka dengan mendapat kenyataan daripada kedua-dua pihak iaitu pembangkang dan pemerintah.

Isi kandungan laporan media asing juga jelas menunjukkan bahawa agensi berkenaan melaporkan secara negatif mengenai pilihan raya umum Malaysia ke-10 dengan memberi liputan meluas kepada parti pembangkang dan menyatakan rasa tidak puas hati terhadap kemenangan kali ini.

Reuters misalnya tanpa mendedahkan siapa sumber mereka memetik pemerhati politik sebagai berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan pilihan raya kerana pengundi baru yang hanya layak mengundi tahun depan kebanyakannya adalah generasi muda bersikap anti kerajaan dan menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim.

AFP pula memetik kenyataan Naib Ketua Keadilan Chandra Muzafar yang menganggap tempoh pengundian singkat tidak memberi masa kepada pengundi mengenal lebih dekat parti pembangkang. Bagaimanapun rata-rata agensi berita asing tidak yakin pembangkang dapat melemahkan Dr Mahathir sebaliknya mereka berpendapat pembangkang hanya berniat menyekat Barisan Nasional daripada meraih majoriti dua pertiga di Parlimen.

Contoh lain yang terdapat dalam liputan media asing berhubung isu politik negara ialah mengenai laporan yang meramalkan Anwar akan didapati bersalah atas empat tuduhan rasuah di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur 14 April 1999. Laporan yang ditulis lebih awal daripada tarikh keputusan, meramalkan Anwar bersalah. Tindakan media asing itu mempersoalkan sistem kehakiman negara yang didakwa tidak adil dan menganggap Anwar sebagai mangsa konspirasi politik.

Media asing beranggapan bahawa keputusan bersalah menjadikan Anwar sebagai syahid politik dan ini menguntungkan pihak yang cuba menjatuhkan kerajaan BN. Wakil media asing berhimpun semula di ibu negara manakala agensi berita mula mengeluarkan semula berita dan gambar berkaitan kes Anwar terutama kecederaan yang disebabkan oleh bekas Ketua polis negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor.

Jadual 3.5

Jumlah wartawan media tempatan dan asing yang bertugas pada hari perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim di antara 2 November 1998 hingga 14 April 1999

Agensi	Liputan dalam mahkamah	Liputan luar mahkamah	Jumlah
BERNAMA	2	2	4
Berita Harian	2	1	3
Reuters	1	2	3
AFP	1	1	2

(Sumber: Polis Diraja Malaysia)

Jadual 3.5 menunjukkan jumlah wartawan media tempatan dan asing ketika membuat liputan kes rasuah Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Kajian mendapati Reuters meletakkan tiga wartawan dalam membuat liputan kes ini.

Dua wartawan bertugas di luar mahkamah manakala sorang di dalam mahkamah. Wartawan yang bertugas di luar mahkamah bertanggungjawab mendapatkan maklumat lanjut mengenai perbicaraan daripada peguam Anwar.

Berita Harian dan BERNAMA masing-masing menetapkan dua wartawan bertugas di dalam mahkamah bagi sesi pagi dan petang. Dua wartawan diperlukan untuk membuat liputan perbicaraan ini kerana terlalu banyak maklumat yang hendak ditulis sepanjang perbicaraan.